

Headline	Penanaman pokok gaharu mampu beri pulangan hasil lumayan		
MediaTitle	Utusan Sarawak		
Date	28 Mar 2013	Color	Black/white
Section	TEMPATAN	Circulation	37,981
Page No	8	Readership	113,943
Language	Malay	ArticleSize	366 cm ²
Journalist	IBRAHIM GANI	AdValue	RM 832
Frequency	Daily	PR Value	RM 2,495



TAMBAH PENDAPATAN... Datuk Alexander Nanta Linggi (duduk di tengah) bergambar bersama peserta yang mengikuti kursus asas industri tanaman gaharu di Kapit semalam. Duduk dari kiri ialah Dr. Mohd. Noor Mahat, Matnor Abang dan Elvis Didit.

Penanaman pokok gaharu mampu beri pulangan hasil lumayan

IBRAHIM GANI

KAPIT, Rabu – Kerajaan sentiasa menggalakkan pemilik tanah di luar bandar mengusahakan tanah mereka yang masih terbiar dengan pelbagai tanaman termasuk penanaman pokok gaharu.

Langkah ini perlu bagi membolehkan pemilik tanah terbabit akan memperolehi pendapatan tambahan daripada aktiviti pertanian.

Menggalakkan pemilik untuk mengusahakan tanah mereka ditanam dengan pokok gaharu merupakan sebahagian daripada usaha kerajaan membantu penduduk luar bandar memperoleh pendapatan tambahan.

Ahli Parlimen Kapit, Datuk Alexander Nanta Linggi berkata, kerajaan menggalakkan pemilik tanah untuk mengusahakan tanaman pokok gaharu memandangkan pokok berkenaan mempunyai nilai komersial tinggi di pasaran.

Pokok gaharu kini boleh ditanam dan dijadikan tanaman komersial hasil kaji selidik saintifik dan inovasi, katanya merasmikan bengkel Kursus Asas Industri Tanaman Gaharu di sini semalam. Bengkel selama tiga hari itu disertai 40 peserta.

Alexander Nanta berkata, gaharu merupakan satu daripada komoditi baharu di pasaran dan sentiasa mendapat permintaan.

Kalau dahulu gaharu diperolehi secara semula jadi, namun hasil kaji selidik dan inovasi Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia, gaharu kini boleh ditanam dan membesar lebih cepat, tegas beliau.

“Justeru bengkel hari ini merupakan sebahagian daripada usaha kerajaan menyebarkan maklumat kepada pemilik tanah yang berminat menanam pokok gaharu di bawah Program Hutan Ladang,” tegas beliau.

Menurut beliau, ini adalah peluang keemasan bagi pemilik tanah men-

gusahakan tanaman gaharu dan yakin pokok gaharu itu kelak boleh mendatangkan hasil lumayan kepada penanamnya.

Bengkel itu dikendalikan oleh para pegawai dari Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) dan dianjurkan oleh Unit Pembangunan Usahawan, Jabatan Ketua Menteri dan disokong oleh Pejabat Residen dan Jabatan Hutan Kapit. Bengkel itu pernah diadakan di Kuching, Sri Aman, Sibul, Bintulu dan Bekenu.

Fasilitator FRIM ialah Dr. Mohd. Noor Mahat, Dr. Hashim Mohd. Noor, Ahmad Fauzi, Rosdi Koter dan Lisa Ismail.

Hadir sama pada majlis itu ialah Matnor Abang yang mewakili Pengarah Unit Pembangunan Usahawan di Jabatan Ketua Menteri, Pegawai Daerah Kapit, Elvis Didit dan ketua-ketua masyarakat. Alexander Nanta kemudian menyampaikan sijil kepada peserta.